

20 SEP 2000

Mahathir-Amal

LAKUKAN USAHA AMAL TANPA MENGIKIR AGAMA DAN KAUM, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menggesa persatuan dan pertubuhan supaya menjalankan kerja amal tanpa mengikira keturunan dan bangsa bagi mengeratkan perpaduan di negara ini.

Beliau berkata dengan wujudnya badan-badan yang melaksanakan tugas membantu masyarakat seperti ini akan merapatkan jurang berbezaan serta mengelakkan ketegangan dan menjamin keamanan negara.

Pertubuhan seperti Persatuan Doktor Pakar Islam Malaysia (ISDAM), yang membantu pesakit pelbagai kaum perlu dicontohi, kata Dr Mahathir ketika berucap pada majlis malam amal anjuran ISDAM di sini malam ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohamad Khir Toyo dan penaung ISDAM, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga isteri Dr Mahathir.

"Ini menunjukkan Islam sedia membantu tanpa mengikira agama dan bangsa serta membuktikan Islam satu agama yang mengambil berat tentang masalah masyarakat," kata perdana menteri.

Pada majlis itu Dr Mahathir menerima sumbangan derma berjumlah kira-kira RM100,000 daripada beberapa syarikat swasta dan orang perseorangan.

Sumbangan kepada Tabung Ihsan Sang Wira itu adalah bagi mengumpul derma untuk disalurkan kepada pesakit buah pinggang dan jantung berlubang.

Dalam kata-kata aluannya, Dr Siti Hasmah merayu golongan korporat, agensi kerajaan atau individu membantu ISDAM dan menghidupkan konsep masyarakat penyayang.

-- BERNAMA

GM GM LAT